



27 FEB, 2021

14 peniaga durian kena denda RM2,600

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

14 peniaga durian kena denda RM2,600

Ops Duri 2.0 diperkasa bagiindungi pengguna, tingkatkan etika penjual

Oleh Siti Haliza Yusop
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 14 peniaga durian dikenakan kompaun RM2,600 menerusi 311 pemeriksaan Ops Duri 2.0 yang dijalankan selama tiga hari bermula 22 Februari lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata sembilan tindakan kompaun dilakukan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) dan baki mengikut Akta Timbang Sukat 1972 (ATS 1972).

Beliau berkata, Ops Duri 2.0 diperkasakan bagi melindungi pengguna dan meningkatkan etika peniaga durian melalui pemeriksaan bagi memastikan pematuhan aspek tanda harga, alat timbang dan sukat yang digunakan

untuk perdagangan.

Katanya, pemeriksaan juga dilakukan bagi melihat pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) perdagangan pengedaran dan SOP am Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Ops Duri 2.0 akan dikuatkuasakan sehingga 22 Mac ini oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri dan cawangan.

"Peniaga durian di bawah pelaksanaan Ops Duri 2.0 tertakluk di bawah AKHAP 2011 dan ATS 1972 dan sekiranya didapati melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Bagi kesalahan mengikut Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2020, amaun denda yang boleh dikenakan bagi per-



Rosol bersama Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohamad Mustapha Awang ketika pemeriksaan di gerai jualan durian di Petaling Jaya, semalam.

seorangan ialah RM50,000, manakala bagi syarikat atau perbadanan sejumlah RM 100,000.

"Untuk kesalahan menggunakan atau memiliki timbang, sukat atau alat timbang yang tidak ditentukan, amaun denda bagi perseorangan atau syarikat ialah RM40,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, Rosol melakukan lawatan pemeriksaan bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi meninjau aktiviti urus niaga durian di sekitar Petaling Jaya, Selangor.

Lawatan berkenaan dilakukan

Ops Duri 2.0 akan dikuatkuasakan sehingga 22 Mac ini oleh KPDNHEP negeri dan cawangan.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri KPDNHEP

bagi memeriksa pematuhan peniaga durian, termasuk sama ada tanda harga diletakkan dengan jelas, mempamerkan jenis durian serta menggunakan alat timbang

yang sesuai.

Rosol berkata, sebanyak 1,252 pemeriksaan dilakukan pada Ops Duri 1.0 antara 1 hingga 31 Julai tahun lalu membabitkan 38 kompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM13,900.

"KPDNHEP mengalu-alukan kerjasama diberikan peniaga untuk terus menjalankan aktiviti perniagaan secara jujur, beretika dan tidak mengambil kesempatan dengan melakukan manipulasi harga mahupun timbangan," katanya.

"Peniaga disarankan menggunakan alat timbangan yang bersesuaian dalam urus niaga penjualan durian," katanya.



27 FEB, 2021

14 peniaga durian kena denda RM2,600

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Ops Duri 2.0 diperkasa bagi lindungi pengguna, tingkatkan etika penjual

Oleh Siti Haliza Yusop bhnews@bh.com.my Kuala Lumpur: Seramai 14 peniaga durian dikenakan kompaun RM2,600 menerusi 311 pemeriksaan Ops Duri 2.0 yang dijalankan selama tiga hari bermula 22 Februari lalu. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata sembilan tindakan kompaun dilakukan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) dan bakinya mengikut Akta Timbang Sukat 1972 (ATS 1972).